



7 Februari 2025
Kenyataan Media

Untuk siaran segera

PENUTUPAN OPERASI PUSPAKOM WANGSA MAJU

Shah Alam, 7 Februari 2025 – PUSPAKOM Sdn Bhd (“PUSPAKOM”), syarikat pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia mengumumkan bahawa ia telah menerima arahan dari Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk menutup operasi PUSPAKOM Wangsa Maju selewat-lewatnya pada bulan Jun tahun ini.

Penutupan ini adalah untuk memberi laluan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (“JPJ”) membina fasiliti baharu di tapak yang sama.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman berkata pihak mereka akan membuat pengumuman asing mengenai perancangan untuk meminda waktu perkhidmatan di beberapa pusat pemeriksaan lain di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan bagi menangani kesan penutupan tersebut.

“Secara purata, PUSPAKOM Wangsa Maju memeriksa 800 unit kenderaan sehari. Jadi kita perlu membuat kajian semula waktu perkhidmatan beberapa cawangan untuk menampung pengurangan slot pemeriksaan ini,” jelas Mahmood.

Beliau turut menjelaskan bahawa cawangan ganti yang tetap telah pun dikenal pasti dan dipersetujui oleh JPJ tahun lalu.

“Pelan asal penutupan ini adalah pada Disember 2026. Kami bersetuju untuk menutup lokasi ini kerana ia merupakan antara cawangan paling sibuk, namun terletak di kawasan berkepadatan tinggi. Cawangan ganti yang diluluskan JPJ adalah di Bukit Beruntung, Rawang, dan akan siap pada bulan Disember tahun hadapan. Walaupun penutupan lebih awal PUSPAKOM Wangsa Maju menimbulkan masalah baharu, kami



akur dan akan cuba menampung dengan menambah waktu operasi beberapa cawangan lain,” tambah beliau.

Cawangan Wangsa Maju memeriksa semua kategori kenderaan termasuk kenderaan berat. Tidak semua cawangan PUSPAKOM mempunyai keupayaan memeriksa kenderaan berat.

PUSPAKOM menggesa pelanggan mereka untuk memeriksa kenderaan lebih awal iaitu didalam tempoh 14 hari sebelum Tarikh tamat permit kenderaan. Ini akan memudahkan mereka sekiranya mereka gagal ujian asal.

“Jika mereka gagal ujian asal pada hari terakhir permit mereka, maka mereka akan terburu-buru untuk memperbaiki punca kegagalan dan datang untuk pemeriksaan semula. Jika pemeriksaan dibuat awal, seperti yang dibenarkan pihak berkuasa, maka pemilik akan mempunyai masa yang lebih untuk membaiki kenderaan mereka dan hadir untuk pemeriksaan semula,” jelas Mahmood.

PUSPAKOM Wangsa Maju adalah antara cawangan terawal syarikat memeriksa kenderaan tersebut. Ia dibuka pada tahun 1995, dan mempunyai enam lorong pemeriksaan pada tanah berkeluasan 4.3 ekar. Kos pembangunan ketika ia dibuka adalah bernilai lebih RM10 juta. Seramai 37 kakitangan bertugas di cawangan tersebut.

#AKHIR#